

26/11/1997

Bertegas hadapi ancaman Amerika

Zuraidah Zainul Abidin

DUNIA sering dikejutkan dengan tindakan luar biasa Amerika Syarikat. Belum selesai masalah pemeriksaan senjata oleh 'pihak penyiasat' Amerika di Iraq, kali ini Malaysia pula menjadi tumpuan dunia apabila sepasukan kumpulan penyiasat Amerika untuk menyiasat urusan niaga antara Petronas dan Iran. Menurut Amerika, perjanjian urusan niaga itu melanggar Akta Iran-Libya 1996 yang dicipta oleh Amerika.

Antara alasan yang diberikan bagi membenarkan akta itu berkuasa ialah untuk menghalang kedua-dua negara meningkatkan teknologi untuk menjana senjata biologiikal dan kimia. Iran juga dilabelkan Amerika sebagai 'penaja keganasan'.

Jika Amerika boleh melabel Iran sebegitu rupa, mengapa pula pihaknya berasa terpukul apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melabelkan George Soros sebagai 'penyangak mata wang dunia?' Amerika juga melenting dan 34 anggota kongresnya mengeluarkan resolusi agar Perdana Menteri digelar anti-Amerika dan anti-Yahudi.

Semua urutan peristiwa itu jelas bukan secara kebetulan. Mungkinkah tindakan Amerika itu didalangi pihak tertentu yang marah apabila Soros dicerca.

Jika dikaji tindakan Amerika mengenakan Akta Iran-Libya 1996 adalah suatu yang tidak berasas. Ini kerana Ketua Negara Komanwel yang bersidang di Edinburgh, Scotland baru-baru ini sebulat suara membantah sebarang usaha menyekat atau menekan mana-mana negara lain.

Tambahan pula tindakan Amerika juga dilihat bertentangan dengan hasrat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan yang bersifat global. Persoalannya adakah penguatkuasaan undang-undang oleh Amerika ke atas negara lain itu sah atau tidak.

Tindakan Amerika itu seolah-olah mahu memaksa negara lain mengikut telunjuknya.

Amerika dilihat menggunakan kuasa bagi mengenakan sekatan ke atas negara lain. Jika diselami tindakan itu lebih bersifat mementingkan diri. Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM) melihat Akta Iran-Libya adalah senjata baru Yahudi melalui sekutunya Amerika. Israel sebenarnya khuatir dan iri hati dengan kewujudan kuasa tentera di Timur Tengah.

Dendam lama masih berdarah. Jadi apabila Petronas melaburkan sejumlah dana yang cukup besar melalui urusan niaga minyak dengan Iran, Amerika atau sekutu cemas. Ini kerana hubungan dua hala antara Malaysia dan Iran ini dipandang oleh Amerika sebagai satu era kekuatan bukan saja membabitkan keuntungan perniagaan tetapi gabungan dua negara Islam.

Oleh itu, mungkinkah benar wujud satu agenda tersembunyi di sebalik 'keprihatinan' Amerika ini? Adalah tidak mustahil jika rentetan peristiwa ini satu konspirasi antara Amerika dan Yahudi.

Akhir sekali PMUKM menyokong penuh ketegasan dan pendirian teguh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang tidak membenarkan Amerika Syarikat bertindak sesuka hati, termasuk menyekat atau menyiasat pergerakan urusan niaga syarikat negara ini. Diharap Malaysia akan terus bertegas dan tidak berganjak daripada pendiriannya bagi menangani ancaman dari Amerika. Biar kita kecil, tapi kita punya semangat juang yang tinggi.